



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **Membayar *Fidyah* Puasa: Memadaikah Dengan Wang?**

**(Bilangan 265)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas  
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

*Fidyah* bermaksud denda atau tebusan yang dikenakan kepada orang Islam yang melakukan beberapa kesalahan tertentu dalam ibadah. Ia juga merujuk kepada menebus ibadah dengan memberi sedekah kepada fakir miskin berupa makanan yang mengenyangkan.

Seseorang yang tidak mampu berpuasa dengan sebab-sebab uzur yang dibenarkan oleh syarak seperti sakit, orang yang dalam pelayaran, orang tua, perempuan hamil yang takut mendatangkan mudarat kepada dirinya atau anaknya atau kedua-duanya dan seumpamanya, maka diharuskan berbuka dengan masing-masing diwajibkan qadha sejumlah hari-hari yang ditinggalkan atau dengan membayar *fidyah* atau kedua-duanya.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ  
أُخْرٍ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا  
فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

(184: )

**Tafsirnya:** “(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam pelayaran, (bolehlah dia berbuka), kemudian wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.”

(Surah al-Baqarah: 184)

Ibnu Abbas *Radhiallahu ‘anhuma* telah meriwayatkan mengenai orang yang sangat tua yang diwajibkan *fidyah*. Beliau berkata:

( )

**Maksudnya:** “Orang yang sangat tua di kalangan lelaki atau perempuan yang keduanya tidak mampu berpuasa, hendaklah memberi makan orang miskin bagi setiap hari sebagai ganti.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Diriwayatkan lagi dalam sebuah hadis bahawa Abdullah bin Umar *Radhiallahu ‘anhuma* telah ditanya mengenai seorang perempuan hamil yang takut mendatangkan mudarat kepada anaknya, adakah ke atas perempuan yang hamil yang takut mudarat kepada anaknya itu berpuasa? Lalu beliau berkata:

( )

**Maksudnya:** “Berbuka dan berilah satu cupak makanan (*h<sub>in</sub>thah*) kepada orang miskin setiap hari.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

### **Siapakah Yang Dikenakan *Fidyah* Puasa?**

Menurut hukum syarak, terdapat beberapa golongan orang yang dikenakan *fidyah*, iaitu:

- i. Wanita hamil atau yang menyusukan anak jika dia berbuka puasa kerana takut mendatangkan mudarat kepada dirinya, maka wajib dia mengqadha puasa yang ditinggalkannya tanpa perlu membayar *fidyah*.

Akan tetapi jika dia berbuka puasa kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya, maka dia **wajib mengqadha** puasa yang ditinggalkannya dan **diwajibkan juga dia membayar *fidyah*** bagi setiap hari yang luput kerana dia berbuka untuk mengelakkan mudarat ke atas

- nyawa anak yang dalam kandungannya atau mudarat ke atas nyawa anak susuannya akibat kekurangan air susu jika dia berpuasa.
- ii. Orang yang sangat tua (yang tidak berdaya melakukan puasa) dan orang yang sangat sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh. Mereka ini tidak diwajibkan ke atasnya berpuasa, akan tetapi **diwajibkan ke atasnya *fidyah***.
  - iii. Orang yang meninggalkan puasa kemudian dia melengahkan atau melambatkan qadha puasanya sehingga datang bulan Ramadhan yang baru, sedangkan dia berdaya untuk mengqadhanya, orang yang semacam ini dia adalah berdosa kerana melambatkan qadha puasa yang ditinggalkannya, di samping wajib baginya **mengqadha puasa yang luput serta membayar *fidyah*** bagi setiap hari yang ditinggalkannya itu.

### **Sukatan *Fidyah* Puasa**

*Fidyah* puasa itu ialah memberi makan orang fakir dan miskin dan sukatanya ialah sebanyak satu *mudd* (cupak) beras atau apa-apa juga bijirin yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri itu. Adapun satu *mudd* itu adalah sebagai ganti bagi satu hari puasa yang ditinggalkan. Satu *mudd* adalah bersamaan 15 tahlil atau 567 gram (566.85 gram).

Contohnya seseorang itu meninggalkan puasa sebanyak 6 hari pada bulan Ramadhan 1427H, namun dia melambat-lambatkan qadhanya sehingga datang bulan Ramadhan 1428H, maka wajib baginya membayar *fidyah* di samping mengqadha puasanya yang tertinggal. Untuk mengetahui jumlah *fidyah* dalam bentuk sukatan atau timbangan adalah seperti berikut:

Jumlah qadha adalah sebanyak 6 hari

1 hari puasa yang ditinggalkan dikenakan 1 *mudd* atau 567 gram.

6 hari puasa dikenakan 6 *mudd* (567 gram x 6 = 3402 gram iaitulah sebanyak 3 kg 402g).

### **Bolehkah Dibayar Dengan Kadar Harga Atau Wang?**

Dari segi gantian nilai pula, perlu diingat bahawa di dalam mazhab asy-Syafi'e *fidyah* tidak sah dikeluarkan dengan harganya atau wang. Akan tetapi sebagai irsyad, adalah dibolehkan bertaqlid dengan mazhab Hanafi bagi sesiapa yang hendak membayar *fidyah*nya dengan harganya atau wang.

Oleh yang demikian, gantian harga atau wang kepada satu *mudd* yang bersamaan 15 tahil atau 567 gram (566.85 gram) bagi satu hari puasa Ramadhan yang ditinggalkan; setakat Irsyad Hukum ini ditulis, ialah \$0.71 (tujuh puluh satu sen) bagi beras wangi ataupun \$0.48 (empat puluh lapan sen) bagi beras Siam.

Berdasarkan penerangan di atas, bagi mereka yang diwajibkan mengqadha puasa Ramadhan, maka hendaklah dia menunaikannya dengan seberapa segera bilamana ada keupayaan. Begitu juga dalam keadaan-keadaan tertentu bagi mereka yang diwajibkan mengeluarkan *fidyah* perlulah mengambil perhatian kerana *fidyah* merupakan kewajipan yang mesti dilaksanakan. Bilamana ada kemampuan, maka tunaikanlah tanpa berlengah-lengah. Tambahan pula jika ia tidak ditunaikan pada tahun tersebut sehingga masuk Ramadhan pada tahun yang selanjutnya, maka kiraan *fidyah* tersebut akan berganda dan meningkat.

Bahkan bagi mereka yang telah meninggal dunia, jika si mati ada meninggalkan harta-pusaka yang mencukupi, maka *fidyah* puasa itu merupakan hutang yang bersangkutan-paut dengan hak-hak Allah yang wajib didahulukan sepertimana zakat, haji, nazar, *kaffârah* dan seumpamanya.

Berdasarkan keterangan mengenai kewajipan *fidyah* puasa terhadap beberapa golongan tertentu, jelas bahawa ibadah puasa merupakan kewajipan yang tidak boleh tidak, wajib dilaksanakan sehinggakan apabila luput satu hari saja, wajib diqadha atau dibayar *fidyah* atau kedua-duanya. Perlu diingat bahawa apabila seseorang itu dikenakan *fidyah* kerana sebab-sebab sebagaimana yang dijelaskan di atas, maka kewajipan ini akan ditanggungnya selama mana dia belum melunaskan bayaran *fidyah*nya.